

HARIAN METRO

5/7/2017 P-13



PENGAGIHAN bubur lambuk kepada penuntut UPM.

MPP UPM KONGSI REZEKI



Fatin Farhana Japre
gen.y@hmetro.com.my

Seramai 30 ahli Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Putra Malaysia (MPP UPM) bergotong-royong memasak bubur lambuk untuk diagihkan kepada pelajar dan staf di Kolej ke Enam, baru-baru ini.

Seawal 9 pagi, barisan MPP UPM bekerjasama menyediakan bahan memasak bubur lambuk.

Objektif utama program pada Ramadan lalu itu ialah untuk mengeratkan silaturahim antara siswa, staf dan pensyarah selain beramal mengagihkan bubur lambuk secara percuma.

Kira-kira 500 bungkusan bubur lambuk diagihkan kepada penuntut di sekitar kolej kediaman UPM iaitu Putra Food Court, Kafeteria Kolej Serumpun, stesen bas Kolej 10 dan stesen bas Kolej 17. Dalam tempoh singkat, semua bubur lambuk habis diagihkan.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UPM Mohamad Ameerul Ishak, 23, berkata, program berkenaan dianjurkan untuk berkongsi rezeki, sekali gus dapat mewujudkan semangat kerjasama antara satu sama lain.

"Persiapan memasak bubur lambuk selama empat jam tidak terasa dengan pelbagai kelelahan dan cerita dikongsi."



BUBUR lambuk yang siap dimasak sedia untuk diagihkan.



"Bubur lambuk berempah dipilih sebagai juadah untuk memberi kelinian berbanding bubur lambuk biasa."

"Aktiviti seperti ini perlu digalakkan dalam kalangan penuntut supaya mereka merasai pengalaman memasak bubur

lambuk dan mengagihkannya sendiri," katanya.

Program ini berlangsung dengan jayanya dan lebih bermakna kerana ia diadakan pada Ramadan yang penuh keberkatan di samping menggalakkan penuntut sentiasa berkongsi rezeki di bulan mulia itu.